



## Makmal FKKSA terima anugerah MSOSH 2015

Makmal Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli (FKKSA) Universiti Malaysia Pahang (UMP) merangkul anugerah *Gold Class 71* dalam Majlis Anugerah MSOSH 2015 *Occupational Safety & Health Awards* yang berlangsung di Hotel Dorsett Subang Jaya pada 5 Ogos 2016 yang lalu.

Majlis Anugerah Cemerlang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan (OSH Award) merupakan acara tahunan anjuran Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MNKKP) di bawah Kementerian Sumber Manusia dalam memberi pengiktirafan kebangsaan kepada organisasi-organisasi daripada pelbagai sektor industri yang mempunyai rekod pencapaian yang cemerlang dalam melaksanakan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (OSHMS) di tempat kerja.

Hadir menerima anugerah, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim yang turut dihadiri Dekan FKKSA, Zulkafli

Hassan dan Pengarah Pejabat Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (OSHMO), Muhammad Hairynizam Muhd Taib.

Menurut Dato' Dr. Daing, anugerah berprestij ini merupakan sebagai tanda penghargaan terhadap pencapaian staf fakulti yang cemerlang di dalam mengamalkan budaya kerja selamat dan sihat di tempat kerja mereka.

"Dengan pengiktirafan ini menunjukkan makmal universiti ini mencapai penarafan menggunakan standard industri dan menjadi suatu tanda aras baru bagi amalan OSH di universiti ini," katanya.

Menurut Zulkafli, kejayaan ini bukan sahaja memberi suntikan semangat kepada staf dalam memperkasa pelaksanaan OSH di fakulti malahan memberi nilai tambahan terhadap mahasiswa UMP dalam mengamalkan budaya kerja selamat yang menjadi keutamaan oleh pihak majikan.

"Anugerah ini adalah susulan kejayaan FKKSA mengekalkan persijilan OSHA 18001:2007, MS 1722:2011 dan ISO 14001:2004 selama sembilan tahun berturut-turut.

"Usaha yang bermula sejak tahun 2006 ini juga membuktikan kesungguhan pihak fakulti dalam memastikan keselamatan dan kesihatan warga kampus di persekitaran tempat kerja khususnya di makmal.

"Anugerah prestasi keselamatan dan kesihatan ini memberi pengiktirafan kepada semua organisasi atau syarikat-syarikat yang telah mencapai rekod keselamatan dan kesihatan terbaik dan telah menunjukkan peningkatan dalam proses keselamatan dan kesihatan pekerjaan melalui sistem keselamatan yang kukuh," ujar beliau.